

Headline	Surau baharu UUM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Aug 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	23	ArticleSize	502 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,013	PR Value	RM 30,039



# Surau baharu UUM

Usaha UUM membina surau baharu itu sebagai memahami keperluan warga mahasiswa dengan kemudahan ruang ibadat yang selesa

**P**ERANAN serta fungsi masjid dan surau perlu dihidupkan dalam usaha melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti sebagai pelapis pemimpin pada masa hadapan.

Selain tempat beribadat, masjid dan surau boleh berperanan sebagai institusi pendidikan yang unggul untuk menjadi tempat pertemuan di kalangan masyarakat Islam.

Pada masa sama, peranan ahli jawatankuasa masjid dan surau juga perlu ditingkatkan selari dengan peredaran masa terutama dalam mendidik dan memajukan belia Islam.

Sehubungan itu, penguasaan umat Islam dalam pelbagai bidang mampu membentuk masyarakat yang berkualiti serta mampu mencapai kejayaan sebagaimana dikecapi kaum lain dan ia boleh dimulakan di masjid dan surau.

Menyadari peranan dan usaha itu, baru-baru ini Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan majlis

penyerahan kunci Surau Terbuka Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Yayasan Al-Bukhary dan Bank Muamalat atas kejayaan membina sebuah surau itu bagi menampung pelajar universiti itu yang semakin bertambah.



**DR. ABDUL MALEK**

Pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abd Karim menyerahkan kunci surau kepada wakil Pengarah Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) Ustaz Mohd. Yusnaidi Md Sabri.

Majlis penyerahan kunci itu turut disaksikan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Dr. Ahmadasri Alaudin dan Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC) Nor Azman Yusof.

Dr. Abdul Malek yang ditemui pada majlis itu berkata, penyerahan kunci itu bagi

membolehkan Pusat Islam UUM untuk menyelaraskan surau terbuka ini.

Katanya surau yang dimulakan pembinaannya pada 2013 dengan usahasama SAC dan JPP serta kelulusan dari JPU yang memperuntukkan kos sebanyak RM1.2 juta ini boleh memuatkan kapasiti jemaah berjumlah 500 orang dalam satu-satu masa dengan konsep surau jenis terbuka di mana mengambil konsep surau rehat dan rawat (R&R).

"Pada perbincangan berkala di antara HEP dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) di peringkat awal surau ini hanya memuatkan 200 jemaah sahaja bagaimanapun kapasiti dan kuantiti jemaah ditingkatkan kepada 500 orang berikutan bilangan pelajar yang menghuni di kedua-dua DPP adalah berjumlah melebihi 2000 pelajar," katanya.

Beliau menambah pelan naik taraf yang sedang dibina sekarang

**DR. Abdul Malek (dua dari kanan) menyerahkan kunci Surau Terbuka DPP Yayasan Al-Bukhary dan Bank Muamalat kepada Mohd. Yusnaidi (kiri).**

merangkumi tujuh puluh peratus yang melibatkan keseluruhan bumbung, struktur dan binaan konkrit bangunan.

Manakala baki tiga puluh peratus adalah tambahan kos pembinaan bagi melengkapkan semua keperluan kemajuan hadapan seperti kemasinan lantai dan dinding, tambahan bumbung polycarbonate, tandas, kolam, pagar tinggi, laluan penjalan kaki (walkway) serta kerja-kerja lanskap berdasarkan pelan arkitek yang telah disediakan oleh JPP.

Konsep surau terbuka yang dicadangkan ini telah ditambah fungsi kegunaannya dengan beberapa ruang tambahan seperti bilik air lelaki dan perempuan, pejabat, ruang serbaguna, bilik stor, bilik suis dan ruang legar di setiap sisi surau menjadikan surau tersebut sebagai tempat pelbagai kegunaan untuk aktiviti muslimin dan muslimat.

Dalam pada itu, Dr. Abdul Malek berkata, beliau berharap surau ini bukan sahaja untuk dijadikan tempat untuk menunaikan solat tetapi juga bagi menjalankan aktiviti kerohanian.

**PEMANDANGAN** luar dan dalam Surau Terbuka DPP Yayasan Al-Bukhary dan Bank Muamalat.

